

31/08/2003

Cetusan semangat PM dalam Astro petang ini

Ziauddin Sharuddin

SEMANGAT Malaysia Boleh yang kini menjadi slogan keramat bagi rakyat negara ini untuk mencatat nama pada persada dunia sukar menjadi kenyataan tanpa sokongan dan galakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir bukan setakat bercakap dan melontarkan cabaran kepada rakyat, terutama anak muda, dalam melakukan sesuatu bertaraf dunia untuk mengharumkan nama negara.

Malah, beliau sendiri menjadi contoh dengan melakukan apa yang kebanyakan pemimpin dunia lain sukar ikuti. Ini termasuk mengembara ke benua Antartika antara 5 hingga 13 Februari tahun lalu.

Rakyat Malaysia berpeluang berkongsi pengalaman Perdana Menteri melalui program khas, Postcards From a Prime Minister, yang disiarkan menerusi Saluran 11 (Discovery Travel & Adventure Channel), di Astro, pada jam 1 petang, hari ini, sempena ulang tahun Hari Kebangsaan ke-46.

Dalam rancangan 30 minit itu, ia menampilkan rakaman video oleh Perdana Menteri sendiri melalui kamera digitalnya. Dr Mahathir juga meluangkan masa menceritakan keseluruhan detik berharga yang dilaluinya dalam percutian sekali seumur hidup itu.

Perjalanan ke Antartika buat dari Ushuaia, Argentina, dengan menaiki kapal pemecah ais Russia, Kapitan Dranitsyn, membawa rombongan seramai 60 warga Malaysia yang juga disertai ahli keluarga Perdana Menteri.

Antara menteri Kabinet yang menyertai beliau ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Merempuh lautan luas yang kemudian bertukar menjadi hamparan ais, tempat paling terpencil di dunia dan Dr Mahathir tidak melepaskan peluang merakam semua detik bersejarah itu.

Antara paparan menarik termasuk detik cemas merentas laut bergelora, barbeku di atas dek dalam kesejukan dan bermain salji dengan penguin.

Rakaman Dr Mahathir juga memperlihatkan peristiwa sebuah pesawat cuba mendarat pada permukaan laut beku hingga menimbulkan kerisauan isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

"Yang (Dr Siti Hasmah), tengok ada helikopter mendarat di atas ais," kata beliau yang khusyuk merakam detik cemas helikopter yang kelihatan seperti tersangkut pada permukaan ais dari dalam biliknya.

Kunjungannya ke Antartika juga adalah untuk menyuarakan pendirian tegas Malaysia supaya kawasan terpencil itu tidak dituntut oleh mana-mana negara kerana ia adalah khazanah alam yang cukup berharga untuk dikongsi seluruh dunia.

Pengarah dan penulis bersama Postcards From a Prime Minister, Azlina Ahmad, percaya rancangan itu ialah ruang terbaik untuk penonton bukan saja di Malaysia, malah seluruh dunia mengenali Dr Mahathir secara peribadi, selain mengetengahkan pendirian Malaysia mengenai Antartika.

Sempena Hari Kebangsaan, Astro turut menayangkan dua rancangan pada saluran yang sama, iaitu Bull Rush: F1 Grand Prix - Kuala Lumpur (jam 1.30 petang) serta Far Flung Floyd: West Malaysia (jam 3 petang) dan Far Flung Floyd: East Malaysia (jam 3.30 petang).